



Book Review

Menjawab Mitos Melayu Malas: Kajian Kes Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816–1947,
by Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. Pulau Pinang, Malaysia:
Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024. xvii + 260 pp.
ISBN 978-967-461-814-8

Reviewed by Nazarudin Zainun

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Published online: 10 July 2026

To cite this article: Nazarudin Zainun. 2026. Menjawab mitos Melayu malas: Kajian kes penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816–1947. Book review. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 33(1): 231–236. <https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.1.11>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.1.11>

Sejarah, dalam hakikatnya yang paling halus, bukan sekadar catatan peristiwa yang telah berlalu, tetapi merupakan medan wacana yang sentiasa dipertandingkan antara kuasa, ingatan dan tafsiran. Penulisan ini menelaah secara kritikal karya Siti Noor Hafizah (2024) yang mengangkat persoalan penghijrahan masyarakat Melayu di Kerian, Perak sebagai penyangkalan terhadap stereotaip kolonial “Melayu malas”. Dengan berpaksikan pendekatan sejarah sosial serta lensa pascakolonial, perbincangan ini menelusuri bagaimana mobiliti masyarakat Melayu menjadi cermin kepada dinamika agensi tempatan yang sering dibayangi oleh naratif kolonial yang reduktif. Di samping itu, makalah ini mengupas pertentangan epistemologi antara historiografi kolonial British dengan penulisan sarjana Malaysia, sekali gus memperlihatkan bagaimana sejarah bukan sahaja ditulis, tetapi juga “dipilih” dan “dibentuk”. Analisis mendapati bahawa karya ini berjaya menggugat naratif kolonial melalui bukti empirikal yang meyakinkan, meskipun masih terdapat ruang pengayaan dari sudut teori dan pendalaman metodologi kuantitatif.

Secara ringkasnya, buku *Menjawab Mitos Melayu Malas: Kajian Kes Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816–1947* karya Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif membuka tabir gelap yang telah lama membayangi masyarakat Melayu

dengan satu penjelajahan intelektual yang mendalam dan tajam. Menggugat mitos yang mengaitkan bangsa Melayu dengan kemalasan, buku ini mengajak pembaca untuk menyingkap semula perjalanan sejarah yang sering kali dipenuhi dengan stereotaip yang merendahkan peranan peribumi atau golongan yang dijajah.

Melalui kajian kes yang terperinci berkenaan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, antara tahun 1816 hingga 1947, penulis menghidupkan semula naratif yang memaparkan mobiliti sosial Melayu bukan sebagai suatu bentuk kelemahan, tetapi sebagai agensi aktif yang menggambarkan kebijaksanaan dalam menghadapi kesulitan hidup di bawah bayang-bayang kolonial. Penghijrahan ini, bukan hanya sekadar langkah untuk kelangsungan kehidupan, tetapi juga mencerminkan strategi survival yang penuh dengan pengorbanan dan ketabahan.

Siti Noor Hafizah menelusuri bagaimana masyarakat Melayu, yang sering dianggap terpinggir dalam arus ekonomi kolonial, sebenarnya merupakan individu yang bijak dalam memanipulasi ruang dan peluang yang terbuka kepada mereka, khususnya dalam sektor pertanian padi. Melalui hujah-hujah yang berlandaskan bukti empirikal, buku ini tidak hanya membantah mitos tersebut, tetapi juga mencipta ruang baharu untuk memahami kembali kekuatan, keupayaan dan ketahanan masyarakat Melayu yang telah lama terlindung dalam sejarah yang sempit.

Dalam lipatan sejarah yang diwariskan oleh tangan kolonial, sering kali wujud bayang-bayang naratif yang tidak neutral, iaitu naratif yang membentuk cara kita melihat, menilai dan memahami masyarakat yang pernah dijajah. Antara yang paling berpengaruh ialah stereotaip “Melayu malas”, suatu konstruk yang bukan sahaja menggambarkan sifat, tetapi turut berfungsi sebagai alat legitimasi kuasa ekonomi kolonial British di Tanah Melayu.

Namun demikian, sejarah, sebagaimana ditegaskan oleh sarjana pascakolonial, bukanlah ruang yang statik; ia sentiasa bergerak antara tafsiran dengan kuasa (Said 1978). Dalam ruang inilah karya Siti Noor Hafizah (2024) hadir sebagai usaha intelektual untuk menyelak kembali tirai naratif lama, melalui penelitian terhadap mobiliti masyarakat Melayu di Kerian antara tahun 1816 hingga 1947.

Ulasan ini berusaha menilai kedudukan karya tersebut dalam landskap historiografi moden, dengan memberi perhatian kepada bagaimana karya ini menstruktur semula pemahaman tentang agensi Melayu dalam sejarah ekonomi kolonial.

Dalam kerangka teori, antara kuasa, ingatan dan sejarah jelas dapat dilihat bahawa sarjana pascakolonial sering dikaitkan sebagai Lensa Pembebasan Epistemik. Dalam tradisi pascakolonial, sejarah tidak pernah berdiri sebagai kebenaran tunggal. Said (1978) mengingatkan bahawa pengetahuan Barat tentang Timur sering dibentuk melalui lensa “Othering” yang menundukkan subjek kolonial kepada kategori inferior. Dalam kerangka ini, stereotaip “Melayu malas” tidak boleh dibaca sebagai fakta sosial, tetapi sebagai konstruksi diskursif yang lahir daripada hubungan kuasa.

Bhabha (1994) pula memperluas pemahaman ini dengan menegaskan bahawa identiti kolonial sentiasa berada dalam keadaan hibrid, yang tergantung antara peniruan dengan perbezaan, lalu membuka ruang kepada ketidakstabilan makna sejarah.

Sejarah sosial sebagai pemulihan suara subaltern, dalam maknanya yang paling tulen, berusaha mengembalikan suara mereka yang terpinggir daripada naratif besar sejarah. Ia menolak elitisme historiografi dan sebaliknya menumpukan kepada kehidupan harian, mobiliti dan strategi survival masyarakat biasa. Dalam kajian ini, pendekatan tersebut menjadi jambatan untuk memahami bagaimana masyarakat Melayu di Kerian tidak sekadar wujud dalam sejarah, tetapi turut membentuk sejarah melalui pergerakan, adaptasi dan pilihan ekonomi mereka.

Dalam konteks ini maka jelaslah pertembungan historiografi antara kolonial dengan tempatan tidak dapat dielakkan. Naratif kolonial British sering memposisikan masyarakat Melayu dalam kerangka ketidakupayaan ekonomi, satu gambaran yang berfungsi untuk mewajarkan dominasi buruh asing dalam sektor ekonomi tertentu. Dalam naratif ini, kemunduran tidak dilihat sebagai hasil struktur, tetapi sebagai sifat budaya.

Sebaliknya, sarjana Malaysia seperti Syed Hussein Alatas (1977) telah lama menolak bacaan ini dengan menegaskan bahawa “kemalasan” yang dituduhkan merupakan mitos ideologikal yang dibina untuk kepentingan kolonial. Dalam pandangan ini, kegagalan ekonomi bukanlah cerminan jiwa bangsa, tetapi hasil daripada struktur kolonial yang tidak seimbang.

Pertembungan dua tradisi ini memperlihatkan bahawa sejarah bukan sekadar tentang apa yang berlaku, tetapi tentang siapa yang berhak mentafsirkan apa yang berlaku.

Dalam sintesis kritikal, perbandingan antara sarjana Malaysia dengan Barat menunjukkan persamaan penting, iaitu penolakan terhadap naratif kolonial yang bersifat homogen dan reduktif. Namun, perbezaan utama terletak pada

fokus analisis--sarjana Malaysia lebih menekankan pembetulan sejarah nasional manakala sarjana Barat cenderung menekankan kerangka epistemologi dan teori kuasa pengetahuan.

Buku Siti Noor Hafizah (2024) ini berjaya menggabungkan kedua-dua tradisi ini secara tidak langsung melalui pendekatan empirikal (kajian kes Kerian) dan implikasi teoretikal (kritikan terhadap stereotaip kolonial), walaupun tanpa perbincangan teori yang sangat eksplisit. Perbandingan matriks historiografi kritikal adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 1. Matriks historiografi kritikal

Dimensi	Naratif kolonial British	Sarjana Malaysia
Gambaran Melayu	Malas, statik, tidak produktif	Terikat kepada struktur kolonial
Faktor ekonomi	Kelemahan budaya	Dasar tanah dan ekonomi kolonial
Mobiliti sosial	Tidak signifikan	Bentuk adaptasi dan survival
Fokus analisis	Justifikasi pentadbiran kolonial	Dekonstruksi sejarah kolonial
Epistemologi	<i>Eurocentric</i> (condong kepada peradaban Barat)	Lokal dan pascakolonial

Matriks ini menunjukkan perbezaan asas dalam cara sejarah ditafsirkan, khususnya antara sumber kolonial dan historiografi tempatan.

Melalui kajian kes Kerian ini, mobiliti juga turut dilihat sebagai bentuk agensi. Penting dalam pengkajian sejarah. Dalam karya Siti Noor Hafizah (2024), Kerian muncul bukan sekadar sebagai ruang geografi, tetapi sebagai ruang sosial yang sarat dengan dinamika perubahan, ekoran penghijrahan masuk masyarakat Melayu ke daerah ini untuk merebut peluang ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian padi. Maka, pergerakan ini tidak bersifat rawak, tetapi lahir daripada rasionaliti ekonomi yang dibentuk oleh kewujudan peluang tanah dan penyediaan infrastruktur kolonial, misalnya kewujudan sistem pengairan untuk membantu pertanian padi. Dalam erti kata lain, penghijrahan merupakan manifestasi kebijaksanaan adaptif dalam menghadapi struktur yang berubah. Namun begitu, di sebalik mobiliti ini, wujud juga kekangan struktur kolonial seperti dasar tanah yang mengekang orang Melayu daripada terlibat dengan tanaman lain yang lebih menguntungkan, misalnya getah dan pengenalan bayaran ke atas sistem pengairan. Kekangan inilah yang turut menyumbang kepada ketidakseimbangan akses ekonomi ekoran pilihan ekonomi yang terhad.

Melalui perbincangan dalam buku ini, sejarah dapat dilihat sebagai medan pertarungan makna. Jika sejarah adalah sebuah teks, maka ia sentiasa ditulis semula oleh tangan yang berbeza. Sarjana seperti Syed Hussein Alatas (1977) menegaskan bahawa stereotaip kolonial merupakan alat kuasa, bukan refleksi realiti. Dalam nada yang seiring, kajian Siti Noor Hafizah (2024) menghidupkan semula perbincangan ini melalui bukti empirikal yang berakar pada pengalaman masyarakat yang dijajah melalui pembuktian penyertaan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi dan ketinggalan mereka adalah kerana struktur ekonomi penjajah yang bersifat menindas.

Sementara itu, Chakrabarty (2000) menghujahkan bahawa usaha “memprovinsialisasikan Eropah” adalah penting untuk mengembalikan keseimbangan epistemik dalam historiografi dunia. Dalam cahaya ini, karya Siti Noor Hafizah boleh dilihat sebagai langkah kecil tetapi signifikan ke arah dekolonisasi naratif sejarah.

Kekuatan lain karya ini terletak pada keupayaannya menghidupkan semula sejarah melalui lensa mikro, yang mana masyarakat biasa tidak lagi menjadi pelaku sampingan, tetapi menjadi pelaku utama. Pendekatan ini memberikan nafas baharu kepada historiografi Malaysia.

Walaupun kukuh dari segi empirikal, terdapat beberapa limitasi yang boleh diperbaiki. Pertama, kerangka teori pascakolonial tidak diuraikan secara sistematik. Rujukan kepada sarjana seperti Said (1978) dan Bhabha (1994) boleh memperkukuh dimensi analisis kuasa dan identiti. Kedua, penggunaan data kuantitatif migrasi dan ekonomi adalah terhad. Dalam kajian sejarah ekonomi, data statistik boleh memberikan sokongan empirikal yang lebih kuat kepada hujah tentang mobiliti masyarakat. Ketiga, skop geografi yang tertumpu kepada Kerian mengehadkan kebolehan generalisasi kepada seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Kajian perbandingan antara negeri akan memperkukuh kesimpulan keseluruhan.

Dari perspektif kajian kemanusiaan, buku ini menyumbang kepada tiga aspek utama. Pertama, buku ini memperkukuh dekonstruksi terhadap stereotaip kolonial dalam historiografi Malaysia; kedua, buku ini menunjukkan kepentingan pendekatan mikro-historikal dalam memahami struktur sosial; dan ketiga, buku ini mengangkat semula agensi masyarakat tempatan dalam sejarah ekonomi kolonial. Secara lebih luas, karya ini menyumbang kepada usaha membina epistemologi sejarah yang lebih seimbang antara sumber kolonial dengan pengalaman tempatan.

Akhir sekali, karya Siti Noor Hafizah (2024) berdiri sebagai usaha intelektual yang penting dalam merombak stereotaip kolonial yang telah lama membayangi historiografi Melayu. Karya ini bukan sahaja menafikan label “Melayu malas”, tetapi juga mengangkat semula martabat agensi masyarakat dijah dalam sejarah ekonomi kolonial. Lebih daripada sekadar kajian sejarah, karya ini mengingatkan kita bahawa sejarah ialah ruang yang sentiasa bernafas – ia berubah mengikut siapa yang menulisnya dan untuk siapa ia ditulis. Dalam ruang inilah, kebenaran tidak pernah tunggal, tetapi sentiasa dalam proses menjadi suatu pemahaman yang lebih kompleks dan dinamik. Setiap naratif membuka pintu kepada perspektif baharu, dan dengan itu, sejarah bukan sekadar kronologi peristiwa, tetapi satu perjalanan intelektual yang membongkar kedalaman makna yang selama ini terpendam. Siti Noor Hafizah, melalui karyanya, mengajak kita untuk melihat sejarah dengan mata yang lebih kritis, penuh dengan pertanyaan dan refleksi tentang bagaimana masa lalu terus membentuk kita, dan bagaimana kita, pada akhirnya, berperanan dalam menulis semula masa depan.

Maka, tidak hairanlah buku ini telah mendapat pengiktirafan akademik yang tertinggi dalam bidangnya apabila memenangi Anugerah Pemenang Utama dalam Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM-KPT) ke-16 bagi kategori Anugerah Buku Ilmiah Terbaik Sains Sosial dan Ilmu Kemanusiaan yang diadakan pada 9 Disember 2025 bertempat di Dewan Za’aba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya.

RUJUKAN

- Alatas, Syed Hussein. 1977. *The myth of the lazy native: A study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. London: Frank Cass.
- Bhabha, H.K. 1994. *The location of culture*. London/New York: Routledge.
- Chakrabarty, D. 2000. *Provincializing Europe: Postcolonial thought and historical difference*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Said, E.W. 1978. *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2024. *Menjawab mitos Melayu malas: Kajian kes penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816–1947*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.